

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah)

| NAMA JAWATAN | PENOLONG PEGAWAI SENIBINA |
|--------------|------------------------------|
|--------------|------------------------------|

| | | |
|---|---|--------------------------|
| Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan | : | MAJLIS PERBANDARAN KULIM |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | PELAKSANA |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | KEJURUTERAAN |
| Gred Jawatan | : | JA29 |
| Jumlah kekosongan | : | SATU (1) |
| Jadual Gaji | : | RM1,549.00 – RM5,701.00 |
| Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : | RM145.00 |
| Jabatan | : | BANGUNAN |
| Taraf Jawatan | : | KONTRAK |

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab ke atas permohonan kebenaran merancang bagi Pendirian bangunan, permohonan pelan susun atur, permohonan kelulusan landskap, permohonan pemasangan papan tanda bangunan komersial dan bangunan pejabat kerajaan. Menyelaraskan pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), permohonan ubahsuai bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- d. Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik bidang Seni Bina dan Pelukis Pelan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan PSL ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

- i. lulus Peperiksaan Khas; dan
- ii. Had umur pelantikan:
 - a. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan hendaklah secara atas talian melalui pautan / link berikut :
<https://ikerja.kedah.gov.my>
- 2) Tarikh Tutup Permohonan: **23 JANUARI 2023**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.